

# Kepentingan kuasai bahasa ketiga

Mempersiapkan generasi hari ini untuk berdaya saing ke peringkat global

**M**enguasai bahasa asing sememangnya menjadi impian kebanyakan pelajar pada hari ini.

Antara kelebihan apabila kita mampu berbahasa asing ialah membantu mengeratkan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa, memahami sesebuah budaya dengan mendalam dan mampu meraih gaji lumayan dalam kerjaya kelak.


Pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Roslina Mamat berkata, mempelajari bahasa asing pada masa kini tidak boleh dianggap sebagai perkara biasa.

"Sudah ramai yang mampu menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bagaimana pula dengan bahasa asing?"

"Untuk fasih bercakap dalam bahasa asing ia memerlukan usaha, komitmen, dan minat yang tinggi. Tidak semua yang berminat terhadap sesuatu bahasa boleh fasih jika tidak bersungguh-sungguh. Jadi jangan anggap mempelajari bahasa asing adalah perkara biasa-biasa sebaliknya tanamkan azam untuk menjadi luar biasa," ujarnya yang mengajar bahasa Jepun.

Bercakap mengenai bahasa Jepun, Dr Roslina menjelaskan, pelajar yang mempunyai kelebihan berbahasa Jepun berpeluang mendapat pekerjaan dengan lebih mudah.

"Terdapat syarikat atau agensi Jepun yang menetapkan syarat calon pekerja mereka perlu memperoleh sekurang-kurangnya Japanese Language Proficiency Test (JLPT) tahap dua sebelum dipertimbangkan menjadi sebahagian kakitangan syarikat atau agensi mereka.



Bahasa asing wajar dipelajari oleh semua peringkat usia.



Untuk fasih bercakap dalam bahasa asing ia memerlukan usaha, komitmen, dan minat yang tinggi. Tidak semua yang berminat terhadap sesuatu bahasa boleh fasih jika tidak bersungguh-sungguh. Jadi jangan anggap mempelajari bahasa asing adalah perkara biasa-biasa sebaliknya tanamkan azam untuk menjadi luar biasa."

- Dr Roslina

"Sebagai contoh, kerjaya 'help-desk' untuk penutur bahasa Jepun umumnya menawarkan gaji permulaan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan, dan bagi pegawai lulusan universiti Jepun boleh mencecah RM5,000 sebagai gaji permulaan," sambungnya.

Tutur beliau lagi, peluang pekerjaan bagi yang fasih berbahasa Jepun sangat luas dan terbuka luas.

Jepun memerlukan tenaga mahir dan kurang mahir di negara mereka kerana di sana mereka kekurangan pekerja tempatan dalam industri tertentu.

"Jika anda graduan fakulti berasaskan Sains Tulen, anda boleh menjadi jurutera atau pekerja mahir lain di syarikat Jepun.

"Manakala, jika dalam bidang Sains Sosial, anda boleh menjadi penterjemah, animator, pegawai helpdesk, pemandu pelancong atau bekerja di mana-mana syarikat yang memerlukan pegawai

berkemahiran dalam bahasa Jepun. Graduan juga boleh bekerja dan membuka syarikat sendiri berkaitan animasi, komik, Virtual YouTuber dan sebagainya," kata beliau lagi.

Berknaan kursus bahasa Jepun di UPM, Dr Roslina memberitahu, pelajar perlu menamatkan kursus tahap satu hingga tiga dalam tempoh tiga semester.

"Pelajar saya pelbagai kaum. Ada Melayu dan Cina serta beberapa pelajar India. Ada juga pelajar antarabangsa dari negara China, Indonesia dan beberapa negara lain yang turut mengambil kursus bahasa Jepun di UPM," bicaranya lanjut.

## Bahasa Perancis antara pilihan pelajar di universiti

"Mempelajari bahasa baharu bukan bermaksud menidakkan kedaulatan bahasa Melayu.

"Sebenarnya, mengenali bahasa baharu bukan sahaja dapat memperluaskan minda untuk mengenali budaya, adat resam dan idea-idea baharu masyarakat lain, tetapi jika kita berfikir kritis, bahasa asing juga boleh meningkatkan pemahaman dan kecintaan bahasa ibunda kita sendiri," kongsi Pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Prof Madya Dr Hazlina Abdul Halim.

Merupakan pensyarah bahasa Perancis di UPM, Dr Hazlina berkata, bahasa Perancis merupakan bahasa antarabangsa kedua yang diajar di sekolah menengah selepas bahasa Jepun.

"Ini membuktikan bahasa Perancis ada nilai kepentingan yang tersendiri.



Pelajar Bachelor Sastera Pengajian Bahasa Perancis dengan Kepujian UPM, menjalani mobiliti di Perancis.



DR HAZLINA

"Bayangkan bila pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke Perancis, Belgium dan sebagainya, kemahiran dan kebolehan berbahasa Perancislah yang boleh digunakan kerana bahasa pengantar pengajaran di sana ialah bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Perancis," ujarnya.

Sambung Dr Hazlina, di UPM, bahasa Perancis antara pilihan bahasa asing yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelajar.

"Lebih 250 pelajar mengambil mata pelajaran elektif bahasa ini setiap semester, dan lebih 100 pelajar mengikuti program Bachelor Sastera Pengajian Bahasa Perancis dengan Kepujian.

"Permintaan luar biasa ini saya anggap sebagai satu yang harus dipuji kerana bahasa Perancis ini," katanya.

Beliau berkata, bahasa Perancis

merupakan antara bahasa dominan di internet dan digunakan untuk menyampaikan pelbagai informasi politik, sosial, komersial, dan keagamaan.

Justeru, penguasaan bahasa Perancis adalah penting untuk seseorang mencapai informasi yang diperlukan bagi tujuan pembangunan diri dan kerjaya.

Selain itu, penguasaan bahasa Perancis juga membolehkan individu lebih

menghargai budaya lain.

"Ini penting untuk mencapai persefahaman komunikasi yang kebanyakannya terhalang disebabkan pergeseran budaya.

"Ketrampilan berbahasa dan pemahaman budaya Perancis membuka minda seseorang untuk melihat suatu isu daripada perspektif antarabangsa, dan dengan ini ia dapat menyelesaikan masalah komunikasi inter dan intra budaya," ujarnya lagi.



Pelajar Bachelor Sastera Pengajian Bahasa Perancis dengan Kepujian bersama barisan pensyarah sempena program Minggu Bahasa Asing anjuran Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM.